

Thirdforce Hulur Bantuan Baiki Rumah Usang

Oleh Nur Hamizah Ismail, 1180228 - November 24, 2020



Proses menukar lantai rumah giat dijalankan oleh Thirdforce.

KOTA BHARU: Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Thirdforce cawangan Kota Bharu baru-baru ini membaik pulih rumah usang berusia lebih 20 tahun yang menempatkan 10 orang penghuni di Kampung Gok Kapur.

Pengerusi Thirdforce Kota Bharu, Wan Ahmad Zairi Wan Ibrahim, 54, berkata, pihaknya membelanjakan sebanyak RM3,000 untuk membaiki rumah berkenaan hasil dana yang dikumpul daripada orang ramai.

“Thirdforce tidak mempunyai dana. Maka, apabila kami menerima berita sesuatu kes, kami akan menyebarkan berita tersebut untuk tujuan pengumpulan dana,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya mengambil masa selama sehari untuk membaiki rumah dengan kerja-kerja menggantikan lantai kayu yang rosak bermula dari jam 8 pagi.

Sementara itu, salah seorang penghuni rumah, Che Mohd Ariff Che Suhaimi, 19, berkata banyak bahagian rumah yang dibaiki seperti atap, lantai dan bilik dibaiki manakala keperluan rumah yang lain juga menerima bantuan seperti keperluan makanan serta bayaran bil elektrik.

“Saya tinggal dan menjaga ibu yang sakit angin ahmar, tiga orang adik, ibu saudara serta seorang abang dan beberapa orang sepupu yang mengalami kemurungan,” katanya.



Wan Ahmad Zairi bekerjasama membaiki rumah usang.

Dia turut bersyukur ada pihak yang sanggup membantu dia sekeluarga kerana hanya mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM500 setiap bulan untuk menampung keperluan harian.